

SULIT
1103/2
Bahasa
Melayu
Kertas 2
Ogos
2013
2 ½jam



SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN SUNGAI KAPAR INDAH
JALAN HARAPAN 3A, 42200 KAPAR

PEPERIKSAAN PERCUBAAN

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2013

BAHASA MELAYU
KERTAS 2
DUA JAM TIGA PULUH MINIT

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan bagi Soalan 2 (b), Soalan 2 (c), Soalan 2 (d) dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Kesusasteraan Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*

Soalan 1 : Rumusan
[30 markah]

Baca petikan di bawah ini dengan teliti dan kemudian buat suatu rumusan tentang langkah-langkah menggalakkan pendermaan organ dan sebab-sebab berlakunya kerosakan organ. Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Masyarakat Malaysia masih kurang mempunyai kesedaran tentang pendermaan organ walaupun isu ini merupakan *isu global*. Pendermaan organ merupakan amalan mulia dan dapat melahirkan perasaan kasih sayang dan prihatin terhadap kesengsaraan orang lain. Sejak awal lagi, kerajaan melalui Kementerian Kesihatan Malaysia telah melancarkan promosi Pendermaan Organ berikutan dengan pelancaran kad derma organ pada 16 Disember 1999. sejajar dengan pelancaran tersebut, satu jawatankuasa induk, iaitu Jawatankuasa Trasplantasi Pendermaan Organ Kebangsaan telah ditubuhkan. Tujuan penubuhan ini adalah untuk memantau aktiviti pendermaan organ. Promosi pendermaan organ diadakan untuk memberikan pengetahuan kepada masyarakat dan menyeru mereka agar menderma organ secara ikhlas dan sukarela.

Usaha yang dilakukan oleh akhbar *Utusan Malaysia* yang menjalankan kempen bagi mendapatkan jantung bagi membantu Tee Hui Lee yang menggunakan jantung mekanikal telah mendapat kejayaan yang amat membanggakan. Usaha-usaha sebegini harus diteruskan bagi menyedarkan masyarakat agar tampil mendermakan organ bagi membantu orang yang memerlukan. Sehubungan dengan itu, ahli Jawatankuasa Kecil Pendidikan Awam Pendermaan Organ perlu memainkan peranan dengan menyebarkan pengetahuan dan isu-isu yang berkaitan dengan pendermaan organ dengan lebih jelas dan menyeluruh.

Dalam hal ini, seseorang yang diisytiharkan mati otak tidak akan "bernafas" lagi. Kematian otak akan disusuli dengan kerosakan organ tubuh yang lain. Bantuan pernafasan dengan menggunakan mesin pernafasan dan sokongan ubat-ubatan dapat melengahkan pemberhentian, denyutan jantung buat seketika sahaja. Namun hakikatnya, seseorang yang disahkan mati otak sebenarnya telah meninggal dunia. Pemandahan organ dapat dilakukan setelah pesakit disahkan mati otak. Sesiapa sahaja boleh menderma organ sama ada golongan tua atau golongan muda. Pusat Sumber Pemandahan Kebangsaan (NRTC) Hospital Kuala Lumpur mensyaratkan individu yang berumur kurang 18 tahun perlu mendapatkan kebenaran ibu bapa atau penjaga sebelum mendaftar untuk menderma organ.

Semua hospital kerajaan dan swasta di seluruh negara mempunyai pusat transplan organ dan bakal penderma boleh menghubungi pihak hospital untuk mendaftar sebagai penderma. Bakal penderma perlu mengisi borang akuan apabila membuat pendaftaran menderma organ. Setelah mendaftar, penderma akan diberi kad yang menandakan bahawa seseorang itu adalah penderma organ. Mereka perlu menyimpan kad tersebut di dalam dompet dan membawanya ke mana-mana sahaja mereka pergi. Selain itu, sesiapa yang ingin menderma organ boleh juga mendaftar secara talian dengan NRTC melalui laman sesawang yang telah disediakan. Mereka yang mendaftar perlu memaklumkan kepada ahli keluarga yang terdekat tentang hasrat mereka bagi memudahkan dan melicinkan proses mendapatkan keizinan perolehan organ daripada penderma selepas mereka meninggal dunia.

Kesediaan penderma organ menderma organ akan meberikan nafas baru kepada pesakit yang memerlukan organ untuk kehidupan di dunia ini. Keperluan organ yang semakin meningkat menyebabkan pelbagai usaha perlu dilakukan agar lebih banyak orang tampil menderma organ mereka. Organ mangsa kemalangan tidak seharusnya disia-siakan, sebaliknya organ-organ tersebut dapat diberikan kepada orang ramai yang memerlukannya. Sesungguhnya, pendermaan organ adalah suatu amalan yang mulia dan terpuji kerana dapat menyelamatkan nyawa orang lain

yang menunggu saat-saat kematian. Selain itu, pendermaan organ mewujudkan perasaan kasih sayang antara keluarga dengan penerima organ.

(Dipetik dan diubahsuaikan daripada rencana 'Sensasi Derma Organ' *Utusan Malaysia*, 9 Oktober 2010)

Soalan 2 : Pemahaman
[35 markah]

Soalan 2 (a) Petikan Umum

Berdasarkan petikan **Soalan 1** di atas, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *isu global* berdasarkan penggunaannya dalam petikan tersebut. [2 markah]
- (ii) Nyatakan kesan pendermaan organ kepada penderma dan penerima organ tersebut. [3 markah]
- (iii) Pada pandangan anda, apakah faktor-faktor yang menghalang seseorang itu menderma organ? [4 markah]

Soalan 2 (b) – Petikan Drama

Baca petikan drama di bawah dengan teliti dan kemudian jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- | | |
|---------------------|--|
| INTAN SITI RAHIMAH: | Siang tadi Intan ke surau. Orang kampung masih mengatakan kekotoran daripada kandang kuda mencemarkan air sungai. Anak-anak mereka sakit-sakit belaka, dan macam-macam lagi. |
| PAK TUAN DOLAH: | Itulah dah dikatakan, Intan jangan ke surau mereka. Mengapa pergi mencemar kaki ke sana? |
| INTAN SITI RAHIMAH: | Mereka datang sendiri menjemput. Takkanlah Intan tak pergi? |
| PAK TUAN DOLAH: | Lain kali kata sibuk, tak usah pergi. |
| INTAN SITI RAHIMAH: | Ttapi mereka ini isteri dan para ibu kepada orang-orang yang bekerja dengan kita. Mereka berbesar hati datang menjemput. Itu pun takut-takut pula. |
| PAK TUAN DOLAH: | Ya, mereka harus takut pada kita. Jika tidak naik kepala nanti. Intan harus sedar dengan siapa hendak bercampur gaul? |
| INTAN SITI RAHIMAH: | Intan sedih melihat keadaan mereka hidup setengah-setengah daripada mereka. Makanan anjing kita lebih baik daripada makanan mereka |
| PAK TUAN DOLAH: | Itu salah siapa? |

(Dipetik daripada '1400' oleh Noordin Hassan dalam antologi *Dirgahayu Bahasaku*, Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Kemukakan dua sebab Pak Tuan Dolah melarang Intan Siti Rahimah ke surau.
[2 markah]
- (ii) Berikan **tiga** kesan buruk apabila orang-orang kaya menjauhkan diri mereka daripada orang miskin.
[3 markah]
- (iii) Huraikan **satu** nilai kemanusiaan berdasarkan petikan drama tersebut dan **satu** nilai kemanusiaan lain yang terdapat dalam keseluruhan drama.
[4 markah]

Soalan 2(c) – Petikan Prosa Klasik

Baca petikan prosa klasik di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Setelah didengar oleh saudagar titah raja itu, maka sembah saudagar itu, “Ya tuanku, dimanakah tuanku tahukan isteri hambamu?” Maka dikhabarkan oleh raja segala *perihal ehwalnya* itu, habis dikatakan kepada saudagar itu. Setelah sudah berkata-kata, maka saudagar pun bermohonlah kepada raja hendak pergi kenegerinya kerana musim pun sudah sampai. Maka ia pun memberi anugrah saudagar itu, dipersalinnya dengan pakaian yang mulia-mulia. Setelah sudah, saudagar itu menjunjung duli yang mulia-mulia. Setelah sudah, saudagar itu menjunjung duli lalu berjalan ke negerinya. Setelah sampai kepada isterinya kasih saudagar pun makin sangat bertambah-tambah kepada isterinya.

Maka kata Bayan, “Demikianlah hikayat orang yang bijaksana, hartanya pun banyak diperolehnya dan nama yang jahat pun dilepaslah. Bermula nama yang baik juga diperolehnya, disebut orang dari dunia datang ke akhirat. Akan sekarang baiklah tuan hamba pergi kepada anak raja itu menanti tuan.” Maka isteri Khoja Maimun pun turunlah berjalan baru tiga langkah, maka hari pun siang, lalu balik ke rumahnya duduk dengan percintaannya serta berahinya akan anak raja itu.

(Dipetik daripada prosa tradisional ‘Hikayat Khoja Maimun’ dalam antologi *Harga Remaja*, Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Apakah maksud rangkai kata *segala perihal ehwalnya*?
[2 markah]
- (ii) Apakah kisah orang bijaksana yang terdapat dalam petikan?
[3 markah]
- (iii) Isteri Khoja Maimun masih gagal menemui putera raja menyebabkan dia berasa kecewa. Pada pendapat anda, apakah peranan isteri terhadap suami?
[3 markah]

Soalan 2(d) – Petikan Puisi

Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- 1 Di Bawah Langit Yang Sama
Di bawah langit yang sama
Kita hirupi udara
Tanpa mengira Beirutmu
Ataupun Kuala Lumpurku
Kita menghirup udara
Di bawah langit yang sama.
- 2 Aku suka gerimis di Kota London
Pernah terpesona angin dingin- tajam di Washington
Pohon-pohon hijau atau aneka warna
tiada bezanya.
Siapa pun menghuni Australia penghuni Afrika
Kerana di bawah langit ini
Kita sama.
- 3 Aku ingin menyeberangi Laut China Selatan
Layari Lautan Teduh rentasi Laluan Sutera
Berkongsi siang miliki malam
Anyam cinta pelantikan zaman
Tiupkan harapan senada
Sesama kita-warga dunia
Di bawah langitnya
Yang sama.
- 4 Peta-peta itu yang memisahkan
Jangan tutup pos sempadan
Visa hanya keperluan rasmi seketika
Pasport dokumen pengenalan titik mula
Kita dakapi mimpi tak berbeza
gapai hasrat
Lebur kebencian kuburkan sejarah hitam
Di bawah langit ini yang
Sarna

Lim Swee Tin
Antologi *Dirgahayu Bahasaku*
Dewan Bahasa dan Pustaka

- (i) Nyatakan hasrat penyajak dalam rangkap ketiga sajak tersebut. [2 markah]
- (ii) Penyajak menyeru supaya manusia mengamalkan konsep kesamarataan hidup tanpa membezakan warna kulit dan fahaman.
Apakah faedah-faedah sekiranya kita mengamalkan konsep hidup di atas? [3 markah]
- (iii) Jelaskan **dua** nilai yang terdapat dalam sajak tersebut. [4 markah]

Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa
[30 markah]

Jawab semua soalan

- (a) Tulis **satu** ayat bagi tiap-tiap perkataan dalam pasangan perkataan di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan perbezaan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

- (i) memikul
- (ii) mengelek
- (iii) mengangkat
- (iv) menjinjing
- (v) menjunjung
- (vi) menggendong

[6 markah]

- (b) Tukarkan **ayat cakap pindah** di bawah kepada **ayat cakap ajuk** tanpa mengubah maksud asalnya.

Zahid menegur Rajesh yang dilihatnya muram. Rajesh menyatakan bahawa dia sedih kerana tidak dapat menyertai rombongan sekolah ke Melaka. Zahid lantas bertanya sebab Rajesh tidak dapat menyertai rombongan tersebut. Rajesh menjelaskan bahawa ibunya tidak mampu menyediakan tambang bas. Zahid bersimpati terhadap keadaan Rajesh. Dia kemudiannya mencadangkan Rajesh meminjam wang daripadanya. Namun, Rajesh menolak cadangan tersebut kerana dia enggan berhutang.

[6 markah]

- (c) Dalam petikan di bawah, terdapat **tiga kesalahan ejaan** dan **tiga kesalahan penggunaan imbuhan**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu jawapan bagi setiap kesalahan ejaan dan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin petikan itu semula.

- (i) Kawasan yang membiar di belakang stesyen kereta api sudah ditebas oleh pendatang asing untuk kediaman haram.
- (ii) Kebanyakan pelajar yang berkunjung ke pameran sains dan teknologi itu berasa kagum dengan bahan-bahan yang dipamerkan.
- (iii) Aktiviti kokurikulum yang dijalankan di sekolah dapat menjalin tali silaturrahim antara pelajar yang bilangan kaum.

[6 markah]

(d) Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satau kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Semangat kejiranan yang kenyal dan amalan saling hormat-menghormati antara satu sama lain menyebabkan penduduk Taman ~~perkasa~~ ^{Perkasa} hidup sejahtera.
- (ii) Terdapat berbagai jenis lauk dibentangkan kepada tetamu yang menghadiri majlis perkahwinan kakak.
- (iii) Bahan ~~perasa~~ ^{Perasa} sering digunakan dalam penghasilan makanan yang ditinkan semoga taharuf lama.

[6 markah]

(e) Baca ayat-ayat di bawah dengan teliti, kemudian nyatakan peribahasa yang sesuai dengan situasi tersebut.

- (i) Dalam majlis itu, Amirul terpandang seorang tetamu yang paras rupanya seiras sahabat lamanya lantas dia menegurnya untuk berkenalan.
- (ii) Akhirnya, Azizul mendapat keputusan peperiksaan yang cemerlang setelah gigih berusaha walaupun dia bukanlah dianggap sebagai seorang pelajar yang pintar.
- (iii) Hamidah sering menceritakan keindahan taman di halaman rumahnya. Katanya, taman itu setaraf dengan taman di hotel lima bintang. Namun, apabila Julia pergi ke rumah Hamidah, dia berasa kecewa kerana taman kepunyaan Hamidah itu tidak seindah yang dibayangkan.

[6 markah]

Soalan 4 : Novel

[15 markah]

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (i) PAPA...(akhirnya kau tewas jual!) karya Deana Yusof
- (ii) Melunas Rindu karya Hartini Hamzah
- (iii) Azfa Hanani karya Halis Azhan Mohd Hanafiah
- (iii) Renyah karya Gunawan Mahmood
- (iv) Konserto Terakhir karya Abdullah Hussain
- (v) Kembara Amira karya Amer Hamzah L.Kadir
- (vi) Kabus di Perbukitan karya Mohamad Kholid Hamzah
- (vii) Sutera dalam Lukisan karya Abd. Talib Hassan

- (a) Dalam setiap novel mengandungi nilai murni yang dapat dicontohi oleh pembaca. Jelaskan **dua peristiwa** yang dapat dikaitkan dengan nilai baik hati dalam sebuah novel yang telah anda pelajari

[7 markah]

- (b) Berdasarkan sebuah novel yang telah anda pelajari, huraikan **dua** situasi saspens yang ditimbulkan oleh pengarang dan cara-cara pengarang menyelesaikan situasi saspens tersebut.


[8 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT

Disediakan oleh,


Cik Zumaira Bt Mohd Daud

Disemak oleh,


Pn Faridah Bt Ismail
(KP Bahasa Melayu)

Disahkan oleh,


Tn. Hj. Basiran B Sharif
(PK Pentadbiran)